

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK, 1974
Garis Panduan (Pelabelan) 2003

KEHENDAK-KEHENDAK PELABELAN

Maklumat

Tiap-tiap racun makhluk perosak hendaklah mempunyai label yang mengandungi maklumat yang berikut:-

Maklumat pada Panel Utama

Maklumat minimum yang perlu dicetak pada panel utama label:

1. Nama Dagangan

Nama Dagangan atau nama kepunyaan racun makhluk perosak dan nama itu hendaklah sama seperti yang ditetapkan dalam perakuan pendaftaran racun makhluk perosak. Perbezaan ketinggian huruf mestilah tidak melebihi 30 % dan perlu dicetak dalam jenis serta bentuk font di samping warna, format dan kepekatan yang sama.

2. Perumusan

Perumusan racun makhluk perosak hendaklah sebagaimana ditetapkan dalam perakuan pendaftaran racun makhluk perosak. Ia hendaklah dicetak dalam **huruf besar tanpa ditebalkan**.

Contoh: PEKATAN TEREMULSI (EC), CECAIR (TEKNIKAL),

3. Kegunaan

Pernyataan kegunaan sesuatu racun seperti racun rumpai, racun serangga, racun kulat dan sebagainya termasuklah produk teknikal hendaklah dicetak dalam **huruf besar tanpa ditebalkan**.

Contoh: RACUN SERANGGA, RACUN RUMPAI.

Bagi produk teknikal, pernyataan 'RACUN MAKHLUK PEROSAK' hendaklah dicetak pada label. Cetakan juga hendaklah dalam **huruf besar tanpa ditebalkan**. Untuk produk teknikal juga, kegunaan diganti dengan frasa seperti di bawah. Cetakan hendaklah dalam **huruf besar dan ditebalkan**.

GRED TEKNIKAL UNTUK TUJUAN PERKILANGAN SAHAJA

Bagi produk untuk “Pest Control Operator” (PCO) yang tertentu, pernyataan ‘**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA**’ hendaklah dicetak pada label dalam **huruf besar dan ditebalkan**.

Bagi produk untuk kegunaan industri seperti cat beracun untuk kayu-kayan, pernyataan **UNTUK KEGUNAAN INDUSTRI SAHAJA** hendaklah dicetak dalam **huruf besar dan ditebalkan**.

4. Pernyataan Bahan-Bahan

Nama biasa bagi bahan aktif hendaklah diikuti dengan bahan lengai (jenisnya tidak perlu dinyatakan) dengan peratusannya mengikut berat dan kandungan bahan hendaklah dinyatakan sebagai % w/w (% berat/berat). Bagi racun makhluk perosak jenis lain, kandungan perawis atau bahan hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Abjad pertama bagi nama biasa tidak boleh menggunakan huruf besar jika abjad seterusnya adalah dalam huruf kecil.

contohnya: **Glyphosate isopropylamine** - tidak diterima

glyphosate isopropylamine - boleh diterima

Cetakan hendaklah **dalam huruf tebal** sepertimana contoh di bawah:

| |
|-------------------------------------------------------------------------------|
| Perawis Aktif : aaaaaa bbbbbb..... 00.0 % w/w (aaaa.....0.00 % w/w) |
| Perawis Lengai : 00.0 % w/w |

5. Nama dan Alamat Syarikat

Hanya nama dan alamat syarikat yang mendaftar racun perosak perlu dinyatakan. Penyata ‘Didaftarkan oleh:’ perlu dicetak dan masukkan No. Syarikat dan No. Telefon. Penggunaan alamat peti surat tidak dibenarkan. Pastikan saiz cetakan tidak kurang dari 9 poin. Alamat website adalah tidak dibenarkan dicetak pada label.

6. Nombor Pendaftaran

Nombor pendaftaran racun makhluk perosak sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga. Ia hendaklah dicetak dalam **huruf tebal** seperti berikut:

No. Pendaftaran: LRMP. R1/XXXX.

7. Kandungan Bersih

Kandungan bersih racun makhluk perosak, tidak termasuk pembungkus atau pembalut hendaklah dinyatakan mengikut isi padu atau berat sebagaimana disyaratkan oleh Lembaga. Kandungannya hendaklah dinyatakan sebagai kuantiti minimum. Bilangan dan berat bersih isi kandungan bagi setiap bungkusan kecil dalaman seperti pipette, sachet dan lain-lain hendaklah dicetak pada label. Cetakan **tanpa ditebalkan**.

Contoh: Kandungan Bersih: 20 liter

8. Tarikh Mengilang

Tarikh mengilang sebenar racun makhluk perosak hendaklah dicetak pada label. Cetakan boleh dibuat pada mana-mana bahagian label **tanpa ditebalkan**. Tarikh luput bagi produk yang tempoh luput kurang daripada 2 tahun juga hendaklah dicetak pada label. Penggunaan label pelekat adalah tidak dibenarkan.

Contoh: Tarikh Mengilang:

Maklumat-maklumat yang perlu dicetak pada lain panel

9. Pernyataan Penyimpanan dan Pembuangan

- i) Tatacara penyimpanan, Pembuangan Sakibaki racun serta maklumat-maklumat berhubung dengan tindakan yang perlu dilaksanakan sekiranya berlaku kebocoran, tumpahan atau kerosakan pada racun makhluk perosak.
- ii) Pembuangan bekas. Di samping pernyataan rasmi pembuangan bekas, arahan menghendaki pengguna terlebih dahulu melaksanakan proses pembersihan secara membilas tiga kali. Bagi perumusan aerosol, frasa perihal pembuangan bekas digantikan dengan “**JANGAN TEBUK ATAU BAKAR BEKAS AEROSOL**”. Bagi perumusan kepingan dan lingkaran, perkara (9)(ii) adalah dikecualikan.

10. Aturan Penggunaan (Contoh: Lihat lampiran 1)

Melainkan bahan-bahan teknikal atau mana-mana bahan yang ditetapkan oleh Lembaga, label racun makhluk perosak hendaklah mengandungi arahan-arahan yang cukup dalam bentuk jadual berhubung dengan aturan penggunaannya.

Ini termasuk maklumat-maklumat berhubung dengan cara membancuh, cara menggunakannya, jarak masa dan kekerapan semburan atau rawatan. Ini diikuti dengan pernyataan tempoh dilarang mengutip hasil atau menyembelih ternakan atau meragut rumput atau mengedar selepas semburan atau rawatan terakhir racun makhluk perosak.

Di mana berkenaan tempoh masa masuk semula dan bilangan semburan maksimum semusim juga perlu dinyatakan.

Maklumat-maklumat lain pada label termasuklah piktogram-piktogram berkaitan dan butir-butir lain yang relevan mengenai sifat fizik dan biologi racun makhluk perosak berkenaan.

11. Pernyataan Awas (Contoh: Lihat lampiran 2)

Pernyataan ini merangkumi langkah-langkah keselamatan bagi tujuan menghalang berlakunya sebarang bencana terhadap manusia dan alam sekitar. Ia perlu dijelaskan secara terperinci di bawah perkara-perkara berikut:

- (i) bahaya kepada manusia. Penekanan hendaklah diberi berhubung dengan kemungkinan bahaya disebabkan termakan atau terminum, serapan kulit, terhidu dan lain-lain bersangkutan. Pernyataan berkaitan bentuk atau jenis pakaian serta peralatan perlindungan yang perlu diguna ketika mengendalikannya juga perlu dijelaskan.
- (ii) bahaya pada alam sekitar. Tumpuan perlu diberi terhadap kesan keracunan pada binatang atau hidupan liar atau tumbuhan berfaedah dan berguna selain sumber atau saluran atau kawasan tadahan air. Ini termasuk pernyataan jarak zon larangan penggunaan racun makhluk perosak bagi kawasan-kawasan berhampiran dengan sumber air ataupun kawasan tadahan air. Lembaga boleh menetapkan pernyataan awas yang lain atas alasan kepentingan awam.

12. Pengelasan Racun Perosak/Pita Warna

Setiap label hendaklah menunjukkan pita warna berdasarkan pada kelas yang diperuntukkan oleh Lembaga termasuk kata hemat, pernyataan dan simbol-simbol amaran yang dihubungkan dengan kumpulan kelas serta sifat-sifat bahan berkenaan.

Kelas yang ditetapkan bagi racun makhluk perosak iaitu **KELAS Ia, KELAS Ib, KELAS II, KELAS III atau KELAS IV** hendaklah dicetak dalam huruf besar dan tebal ditengah-tengah pita warna dengan cetakan berada di kawasan ruang panel utama. Pita warna hendaklah dicetak di sekeliling bahagian label yang paling bawah dan hendaklah mempunyai ketinggian minimum berukuran 10 peratus daripada keseluruhan ketinggian label dengan syarat bahawa saiz font cetakan huruf-huruf itu tidaklah kurang daripada 9 poin serta mengadakan simbol-simbol amaran yang diperuntukkan bagi kelas atau sifat racun makhluk perosak berkenaan.

13. Amaran & Kata Hemat

Pernyataan mengenai amaran dan kata hemat yang sesuai bagi kelas yang ditetapkan bagi racun makhluk perosak sebagaimana dinyatakan hendaklah dicetak dalam Bahasa Malaysia dan tiga lagi bahasa tempatan pada pita warna.

Contoh: JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK

14. Maklumat-maklumat lain

Suatu pernyataan ringkas mengenai tanda keracunan, rawatan kecemasan dan rawatan perubatan hendaklah dicetak pada label. Bagi pernyataan rawatan perubatan, ia perlu dicetak dalam versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

14.1. Jenis 'Font' dan Bahasa

'Font' yang disyorkan untuk cetakan ialah jenis 'Bookman' pada saiz sekurang-kurangnya 9 'poin'. Pastikan bahasa Malaysia yang digunakan adalah menurut kaedah semasa. Semua ejaan, tanda bacaan (punctuations), gaya bahasa (expressions) dan maklumat-maklumat dicetak dengan betul dan sempurna.

14.2. Keperluan untuk 'Extended Label'

Sekiranya label yang dicadangkan mengguna bentuk persembahan 'extended label', pastikan pernyataan berikut dicetak pada panel yang melekat pada pembungkusan produk. Tertakluk pada ruang sedia ada, turutan pernyataan menurut keutamaan yang perlu dicetak adalah AWAS, TANDA TERKENA RACUN, RAWATAN KECEMASAN, RAWATAN PERUBATAN & MEDICAL TREATMENT baru diikuti dengan PERNYATAAN PEMBUANGAN.

Disamping itu, pastikan juga maklumat asas lain seperti Perawis Aktif (termasuk % w/w), Perumusan, No. Pendaftaran, Nama Dagangan dan Nama Syarikat yang mendaftarkannya serta No. telefon syarikat (tanpa alamat) dicetak sekali lagi pada panel tersebut termasuk pita warna kelas sekiranya bentuk persembahan panel utama label berkenaan tidak melekat pada pembungkusan yang dimaksudkan. Pastikan bentuk persembahan termasuk saiz label yang dikemukakan, adalah sama seperti label yang akan digunakan pada pembungkusan produk berkenaan.

14.3. Penggunaan Logo

Hanya logo syarikat dan logo produk sahaja dibenarkan dicetak pada label. Logo syarikat hendaklah dicetak pada ruang sebelah kanan atau kiri nama & alamat syarikat yang mendaftar. Ketinggian logo ini tidak boleh melebihi ketinggian ruang cetakan nama & alamat syarikat. Logo produk boleh dicetak sama ada disebelah kanan atau kiri nama dagangan dengan ketinggian logo tidak melebihi 50% daripada ketinggian huruf nama dagangan. Cetakan kedua-dua logo tidak boleh berulang walaupun logo yang sama. Logo-logo lain tidak dibenarkan iaitu termasuk Logo SIRIM, ISO dan sebagainya melainkan mendapat kelulusan di mana tempoh kelulusan adalah sama atau lebih dengan tempoh kelulusan racun perosak yang didaftarkan.. Sebarang bentuk promosi ataupun yang dianggap berunsur iklan adalah tidak dibenarkan dicetak pada label

15. Pihak Lembaga adalah berhak untuk membuat sebarang tambahan atau perubahan dalam Garis Panduan ini dari semasa ke semasa jika difikirkan perlu.

CONTOH CORAK LABEL KELUARAN (formulation)

Panel Utama

Panel Kedua dan seterusnya

NAMA DAGANGAN-XXX*

Perawis Aktif: % w/w
 Perawis Lengai: % w/w

KEGUNAAN

PERUMUSAN

Didaftarkan oleh: **No. Pendaftaran: LRMP.R1/**
Syarikat ABCDEF Sdn Bhd (No:123456X) Kandungan Bersih: ...Liter
 111, Jalan XYZ
 Bandar DEFGH
 00000 Kuala Lumpur. Tarikh Mengilang:
 Tel: 03-12345678
 Faks: 03-21345678

Jika berlaku **KERACUNAN** sila hubungi,
PUSAT RACUN NEGARA - 1-800-88-8099 (waktu pejabat)
 - 012-4309499 (lepas waktu pejabat)

BACA LABEL SEBELUM GUNA

ATURAN PENGGUNAAN: Pra Pengenalan.....
 Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan.

| KAWASAN TANAMAN | JENIS RUMPAI | KADAR RACUN | | ISIPADU SEMBURAN SEHEKTAR |
|-----------------|--------------|--------------|----------|---------------------------|
| | | 10 liter air | sehektar | |
| | | | | |

Pernyataan di larang mengutip hasil/masuk semula kawasan (jika berkaitan).....

Panduan Membancuh**Panduan Menyembur****Tempoh Dilarang Masuk Semula Kawasan Rawatan (REI): ... jam**

AWAS: a) Bahaya Kepada Manusia:.....

Pakaian dan Alat Perlindungan:.....

b) Bahaya Pada Alam Sekitar:.....

TANDA KERACUNAN:.....

RAWATAN KECEMASAN:.....

RAWATAN PERUBATAN:.....

MEDICAL TREATMENT:.....

BILAS BEKAS RACUN TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA.

JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN. TANAM BEKAS RACUN APABILA KOSONG.

**Pernyataan Amaran &
 Kata hemat versi
 Bahasa Malaysia**

KELAS X

**Versi Bahasa
 Tempatan II**

**Versi Bahasa
 Tempatan III**

**Versi Bahasa
 Tempatan IV**

Catatan: Format jadual Aturan Penggunaan hendaklah diubahsuai mengikut jenis produk yang hendak didaftarkan. Lambang tengkorak hanya bagi produk **Kelas Ia & Ib sahaja**

CONTOH CORAK LABEL KELUARAN

NAMA DAGANGAN-XXX*

KEGUNAAN

| | |
|-----------------------|-------|
| Perawis Aktif: | % w/w |
| Perawis Lengai: | % w/w |

PERUMUSAN

No. Pendaftaran: LRMP.R1/

Kandungan Bersih: ...Liter

Didaftarkan oleh:
Syarikat ABCDEF Sdn Bhd (No:123456X)
 111, Jalan XYZ
 Bandar DEFGH
 00000 Kuala Lumpur.
 Tel: 03-12345678
 Faks: 03-21345678

BACA LABEL SEBELUM GUNA

PUSAT RACUN NEGARA - 1-800-88-8099 (waktu pejabat)
 - **012-4309499 (lepas waktu pejabat)**

AWAS: a) Bahaya Kepada Manusia:.....

Pakaian dan Alat Perlindungan:.....

b) Bahaya Pada Alam Sekitar:.....

TANDA KERACUNAN:

RAWATAN KECEMASAN:

RAWATAN PERUBATAN:

MEDICAL TREATMENT:.....

ATURAN PENGGUNAAN: Pra Pengenalan.....

Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan.

JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.TANAM BEKAS RACUN APABILA KOSONG

| KAWASAN TANAMAN | JENIS RUMPAI | KADAR RACUN | | ISIPADU SEMBURAN SEHEKTAR |
|-----------------|--------------|--------------|----------|---------------------------|
| | | 10 liter air | sehektar | |
| | | | | |

Pernyataan di larang mengutip hasil/masuk semula kawasan (jika berkaitan).....

Panduan Membancuh

Panduan Menyembur

Tempoh Dilarang Masuk Semula Kawasan Rawatan (REI): ... jam

Tarikh Mengilang:

| | | | | | |
|-------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|----------------|---------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|---------------------------------|
| Versi Bahasa Tempatan II | Pernyataan Amaran & Kata hemat versi Bahasa Malaysia | KELAS X |  | Versi Bahasa Tempatan III | Versi Bahasa Tempatan IV |
|-------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|----------------|---------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|---------------------------------|

Catatan: Format jadual Aturan Penggunaan hendaklah diubahsuai mengikut jenis produk yang hendak didaftarkan. Lambang tengkorak hanya bagi produk **Kelas Ia & Ib sahaja**

